

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan: 15 minit]

Tulis lima ayat yang lengkap berdasarkan gambar dan frasa yang diberikan.



1. Yi En _____ yang kotor ke dalam tong sampah untuk menjaga kebersihan kelas.
2. Carol _____ dengan sebatang penyapu supaya kelas kelihatan bersih.
3. Zhi Qi duduk di atas kerusi dan _____ dengan menyusun buku-buku yang terdapat di atas rak.
4. Marcus _____ dengan sehelai kain yang basah supaya tingkap tidak berhabuk.
5. Kai Yi sedang _____ supaya meja dan kerusi berada dalam keadaan yang kemas.

Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan: 25 minit]

A. Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menjaga kebersihan kaki.

Cara-cara menjaga kebersihan kaki

- Tukar stoking pada setiap hari
- Menggunakan stoking yang dapat menyerap peluh.
- Elakkan pemakaian kasut yang lembap.
- Pastikan kaki kering setelah mandi dengan lap bahagian kaki terutamanya di celah-celah jari kaki
- Sapu pelembap pada kaki.




Terdapat beberapa cara _____.

Antaranya, kita perlu menukar stoking pada setiap hari dan menggunakan _____ supaya kaki kita tidak berada dalam keadaan lembap. Seterusnya, kita perlu mengelakkan pemakaian _____ supaya bakteria tidak membiak di dalam kasut, kaki tidak berbau dan kaki tidak menjangkiti penyakit seperti cagu dan kaki makan air. Selain itu, kita juga perlu memastikan _____ dengan lap bahagian kaki _____. Di samping itu, kita haruslah _____ supaya kulit kaki tidak kering.

Kesimpulannya, jagalah kaki kita kerana kaki merupakan anugerah yang amat ternilai.

B. Susun ayat berdasarkan gambar dan perkataan yang diberi.

Hari Sukan



1. * sukan tahunan. * Pada minggu lepas,
* telah mengadakan * sekolah kami

2. * menyertai aktiviti * dipertandingkan.
* Semua murid * yang

3. * turut datang * untuk * Ibu bapa * memberi sokongan.

4. * menyampaikan hadiah * kepada * Guru Besar
* para pemenang.

Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Panjang jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Pada cuti sekolah yang lalu, keluarga kamu telah bercuti di Pulau Langkawi. Tulis karangan kamu itu selengkapnya.



Bercuti di Pulau Langkawi

Rangka Karangan

- keluarga - bercuti di Pulau Langkawi

Isi-isi penting

1. bersiap-siap - memasukkan bagasi - bonet kereta - bertolak - berbual-bual
2. tiba di Jeti Kuala Perlis - membeli tiket feri - mendaftar masuk - hotel - makan tengah hari - gerai
3. melihat pelbagai jenis hidupan laut - menaiki bot- menaiki kereta kabel - pemandangan - melawat Makam Mahsuri

Kesimpulan

- membeli cenderamata - mengambil gambar sebagai kenangan - pulang - gembira

Pada cuti sekolah yang lalu, _____ saya berpeluang _____
sebuah tempat peranginan iaitu Pulau Langkawi selama 2 hari 1 malam.
Aku berasa sangat seronok kerana ini kali pertama saya ke sana.

Pada awal pagi, kami sekeluarga _____ dan
_____ ke dalam _____.
Seterusnya, kami pun bertolak dengan kereta bapa. Sepanjang
perjalanan, kami _____ di dalam kereta.

Apabila tiba di Jeti Kuala Perlis, bapa _____.
Kemudian, kami menaiki feri ke Pulau Langkawi. Ketika sampai di
destinasi, kami _____ ke hotel. Pada waktu tengah hari,
kami _____ yang enak di _____ makanan.

Setelah menjamu selera, kami mengunjungi sebuah akuarium
yang besar di Pulau Langkawi. Kami dapat _____
_____ seperti ikan jerung, ikan pari, batu karang,
cengkerang dan rumpai laut di sana. Pada waktu petang, kami makan
malam di sebuah restoran makanan laut. Selepas itu, kami balik ke
hotel untuk berehat. Pada keesokan hari, kami _____ dan
_____ untuk melihat _____ yang indah di Pulau
Langkawi. Kami juga _____ yang terkenal.

Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau bebas cukai. Kami membeli-belah di kedai cenderamata dengan harga yang murah. Kami telah membeli pelbagai _____ seperti gantungan kunci, poskad dan coklat untuk saudara-mara. Kami juga _____ sebagai kenangan. Selepas mendaftar keluar dari hotel, kami pun _____ ke rumah. Saya berasa sangat _____ kerana pelancongan kali ini sangat menarik. Saya berharap saya akan dapat bercuti lagi di sini pada masa yang akan datang bersama keluarga tercinta.

Soalan 2

Pada suatu hari, Kampung Alor Gajah telah dilanda ribut. Kejadian itu telah menimbulkan masalah kepada Pak Din.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.



Rangka Karangan

- dilanda ribut - rumah - roboh - sedih

Isi-isi penting

1. ketua kampung - penduduk kampung - membantu - membina rumah - secara bergotong-royong
2. membahagikan tugas - membina tiang konkrit - membina dinding - memasang bumbung - lain-lain
3. berjaya - mendirikan rumah - dalam seminggu - gembira

Kesimpulan

- bersyukur - berterima kasih - penduduk kampung

Pada suatu hari, Kampung Alor Gajah telah dilanda ribut. Kejadian itu telah menimbulkan masalah kepada Pak Din. Rumah Pak Din telah _____. Dia berasa sangat _____.

Selepas mengetahui keadaan Pak Din, penduduk kampung datang untuk memujuk Pak Din. _____ menyeru semua penduduk kampung untuk membantu Pak Din _____. Mereka membina rumah Pak Din _____.

Mula-mula, ketua kampung _____ kepada penduduk kampung. Penduduk kampung yang baik hati telah bekerjasama bagi aur dengan tebing. Mereka telah _____, _____, _____, mengecat rumah dan lain-lain bersama-sama. Mereka bekerja dengan ringan tulang dan tanpa sebarang rungutan.

Melalui usaha penduduk kampung yang ringan tangan, mereka telah berjaya mendirikan rumah _____. Melihat rumah baharu yang baru dibina, Pak Din dan penduduk kampung berasa sangat _____.

Berkat kerjasama penduduk kampung, masalah Pak Din dapat diselesaikan. Pak Din berasa _____ dan _____.

kepada _____ yang telah membantunya membina rumah.
Ketua kampung memuji semua penduduk kampung yang telah membantu Pak Din kerana mereka telah menunjukkan semangat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.